

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos/September 1998**

**HTV 201 Teknik Berfikir**

**Masa: [2 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI DUA BAHAGIAN, BAHAGIAN 'A' DAN BAHAGIAN 'B', DAN LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab SATU [1] soalan dari setiap Bahagian.

[Sila **catatkan** dengan jelas nama PENSYARAH/TUTOR yang mengendalikan tutorial anda di sudut kiri bahagian atas buku jawapan anda.]

**Bahagian A:**

1. Perkembangan yang pesat dapat dilihat dalam bidang teknologi maklumat yang terdiri dari teknologi multimedia, internet/jaringan, halaman dan sebagainya. Sehubungan itu berbagai faedah pula dapat dinikmati. Malaysia merupakan salah sebuah negara dunia yang begitu serious dalam memperkembangkan dan menggunakan teknologi ini. Sekiranya Kerajaan Malaysia menukarkan sistem pembelajaran universiti yang ada sekarang kepada sistem "universiti maya" yang berteraskan teknologi maklumat, apakah kemungkinan-kemungkinan yang boleh diusulkan? Anda boleh menjana idea dengan menggunakan alat-alat berfikir PMI, OPV, C&S dan FIP.

**ATAU**

...2/

2. Tandas-andas awam di perhentian sepanjang lebuh raya utara selatan dijaga oleh pencuci yang bertugas 24 jam sehari untuk memastikan kebersihan berada pada tahap yang tinggi. Tandas-andas awam di KLCC Suriya pula dijaga kebersihannya dengan mengguna teknologi canggih iaitu penderiaan jauh (*remote sensor*). Walau bagaimanapun kedua-dua teknik ini pada umumnya masih gagal untuk meningkatkan kualiti kebersihan tandas awam. Ini tentunya menjatuhkan imej Malaysia di mata para pelancong. Sehubungan itu sebuah badan perunding pendidikan kebersihan telah ditubuhkan dengan anda ditunjuk sebagai pakar rujuknya. Dengan pegalaman dan kepakaran yang ada pada diri anda buat satu cadangan bagaimana pengetahuan untuk mengguna tempat-tempat tersebut secara yang betul dan berkesan dapat disampaikan kepada masyarakat awam Malaysia untuk semua peringkat dalam masa tiga bulan dari sekarang.

### **Bahagian B:**

3. Anda telah dijemput untuk memberi motivasi kepada sekumpulan jurutera dari beberapa firma yang mula bekerja selama tiga bulan. Dengan kepakaran yang ada pada anda serta dibantu oleh alat-alat berfikir yang sesuai, jelaskan bagaimanakah anda boleh meyakinkan mereka untuk menjadi jurutera yang profesional dan berjaya dengan cemerlang.
4. Kes samseng jalanraya merupakan satu gejala yang masih berlaku dengan berleluasa di Malaysia. Berbagai cara dilakukan oleh kerajaan termasuk mendakwa di mahkamah. Walau bagaimanapun, gejala ini masih berterusan, terutama di bandar-bandar besar. Dengan menggunakan kaedah penyelesaian masalah secara kreatif berasaskan analisis, janakan idea bagaimana masalah ini boleh diselesaikan.
5. Setelah dikoperatkan, Universiti Sains Malaysia memutuskan untuk menswastakan semua kantinnya, termasuk yang sedang beroperasi di desa-desa. Syarikat anda telah berjaya mendapat kontrak untuk menguruskan semua kantin tersebut. Dengan mengguna Enam Topi Berfikir, binakan konsep baru dalam pengurusan kantin-kantin tersebut. Anda harus menimbangkan aspek-aspek menu, harga, kebersihan, perkhidmatan cemerlang kepada pengguna dan kesihatan, tetapi masih dapat meraih keuntungan yang lumayan.

...3/

6. Peningkatan pengambilan para pelajar ke IPTA/IPTS di dalam negara memerlukan satu kajian semula berhubung dengan keselamatan jalanraya di dalam kampus. USM sahaja dijangka akan mempunyai pelajar seramai 30,000 pada tahun 2001. Dengan mengguna kaedah penyelesaian masalah secara kreatif berasaskan desain dan analisis, janakan idea bagaimana para pelajar yang berjalan kaki, yang berbasikal, bermotorsikal dan bermotokar boleh bergerak dengan licin, mempunyai tempat letak kenderaan yang cukup dan selesa, tanpa mencero bohi tempat letak kenderaan para pensyarah/pegawai/kakitangan universiti.
7. Pembinaan jambatan ke dua untuk Pulau Pinang telah hebat diperbincangkan. Ada yang berpendapat bahawa memanglah jambatan itu menjadi keperluan kepada Pulau Pinang, sementara kelompok lain pula berpendapat bahawa jambatan dan feri yang sedia ada sudahpun memadai. Dengan mengguna Enam Topi Berfikir, bincangkan perkara ini dan buat keputusan yang jelas, sama ada pembinaan jambatan ke dua ini patut dijalankan atau tidak.
8. Malaysia kini sedang menikmati kemudahan teknologi maklumat yang terkini. Walau bagaimanapun tidak semua sektor mampu memilikinya. Justeru itu, ada pihak-pihak yang mencadangkan supaya kerajaan-kerajaan negeri memperkenalkan sistem persekolahan bestari di setiap negeri. Dengan mengguna Enam Topi Berfikir buat cadangan sama ada sekolah bestari yang mengguna kemudahan teknologi maklumat seperti itu wajar diadakan di setiap negeri.

--oo000oo--